

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHE ALIAS ABD HAMID (KEMAMAN)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes dan jumlah kerugian yang dilaporkan akibat jenayah siber bagi tempoh 2018 dan 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), bagi tempoh 2018, terdapat sebanyak 481 kes dilaporkan yang melibatkan jenayah siber dengan kerugian berjumlah RM 30,200,814.56. Manakala, bagi tempoh Januari hingga September 2019 pula, terdapat sebanyak 233 kes yang dilaporkan dengan kerugian berjumlah RM 31,894,759.09.

Kementerian ingin mengingatkan semua pihak supaya membuat semakan dengan pihak berkuasa terlebih dahulu untuk menentukan kesahihan sebarang tawaran atau dakwaan kononnya mereka terlibat dengan kes-kes tertentu dan jangan mudah mempercayainya. Pihak PDRM dan pihak berkuasa yang lain tidak pernah mengarahkan orang awam membuat sebarang transaksi kewangan kepada pihak tertentu atas apa alasan sekalipun. Semua proses pembekuan, pelucuthakan dan rampasan yang di buat oleh pihak berkuasa adalah mengikut proses undang-undang yang sah dan bukannya melalui panggilan telefon.